



Bersama  
Mohd Shahrizal  
Nasir

23-10-2017

addin

19

HARIAN METRO

Setiap mahasiswa pastinya mengingati detik bersejarah dalam hidup mereka selepas menamatkan pengajian di menara gading.

Pada hari konvokesyen, mereka diraikan penuh istiadat, naik pentas memakai jubah khas sambil disaksikan ribuan hadirin, malah seluruh keluarga turut berkumpul meraikan kejayaan dengan memberikan jambangan bunga dan hadiah.

Pengalaman empat tahun bertungkus-lumus sebagai penuntut perlu dimanfaatkan sebaiknya untuk memandu kehidupan seterusnya.

Setiap kejayaan perlu disyukuri supaya Allah SWT menambah lagi nikmat kejayaan pada masa akan datang.

Jasa pensyarah juga perlu dikenang kerana mereka bertungkus-lumus memastikan setiap anak didik menamatkan pengajian dengan cemerlang.


Bagaimanapun, selepas berakhir pengajian bukan tiket bagi graduan meninggalkan proses pencarian ilmu.

Tugas sebagai penuntut ilmu masih kekal dipikul setiap individu yang cintakan ilmu. Banyak lagi ilmu yang boleh dipelajari selepas tamat zaman belajar di universiti.

Ilmu yang ada pada kita sekarang amat kecil berbanding ilmu Allah yang amat luas. Firman Allah di dalam al-Quran bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad) kalaulah semua jenis lautan menjadi

# Lautan ilmu tidak bertepian

■ **Tingkatkan potensi diri kerana Allah ingatkan manusia nasib kehidupan bergantung pada diri masing-masing**



tinta untuk menulis kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan." (Surah al-Kahfi, ayat 109)

Tidak ada alasan menjauhkan diri daripada ilmu. Dengan konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat, ilmu yang bermanfaat boleh diperoleh menerusi pelbagai medium.

Kuliah agama di masjid, pejabat, perkongsian kepakaran dalam bidang tertentu, lambakan bahan bacaan di pasaran serta kemudahan mencari maklumat di Internet adalah peluang yang wajar direbut.

Bagaimanapun, lambakan bahan khususnya dari Internet perlu melalui tapisan supaya maklumat diterima itu sah dan memberi manfaat.

Sekiranya individu mengambil keputusan menjauhi majlis ilmu, ilmu sedia ada mungkin tidak relevan dalam membantu kehidupan semasa.

Akhirnya, mereka tergolong dalam kalangan orang yang ketinggalan dalam kepesatan dunia. Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat amat membantu siswazah mencari nilai tambah dalam diri.

Konsep itu mampu mengemblem potensi individu yang belum berada dalam pasaran kerja menerusi pelbagai peluang meningkatkan kemahiran.

Graduan tidak boleh bersikap tunggu dan lihat. Mereka tidak boleh menunggu peluang pekerjaan datang bergolek di depan mata.

Mereka perlu berusaha bersaing dalam pasaran kerja dan terus menggilap potensi diri. Allah mengingatkan manusia nasib kehidupan bergantung kepada usaha masing-masing.

**FAKTA**  
Manusia yang paling dicintai Allah adalah yang paling memberikan manfaat bagi manusia



**AL-HAQ**

Sehari sepotong ayat

"Dan janganlah engkau menurut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang munafik dan janganlah engkau hiraukan usikan dan celaan mereka serta berserahlah kepada Allah (memelihara keadaanmu) dan cukuplah Allah menjadi Pelindung (yang menyelamatkanmu).

(Surah al-Ahzaab, ayat 48)

(Hadis Riwayat at-Tabrani)

Allah menyayangi hamba-Nya yang dapat memberi manfaat kepada orang lain. Rasulullah bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa yang biasa memenuhi (membantu) hajat saudaranya, maka Allah akan sentiasa memenuhi hajatnya."

(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Itu ilmu hidup yang perlu dipelajari graduan yang baru tamat pengajian. Selain berusaha mendapat pekerjaan dan mencipta kejayaan dalam kerjaya yang diimpikan, usah lupa membantu orang lain dengan ilmu yang dimiliki.

Hal ini juga satu bentuk ilmu kehidupan yang perlu dirasai setiap graduan kerana hakikatnya erti hidup itu pada memberi.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu